

30 OCT 2003

Abdullah-Pangku

ABDULLAH AKAN MEMANGKU JAWATAN PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memangku jawatan presiden Umno apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan presiden parti esok.

Dr Mahathir mengumumkan perkara ini setelah mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di ibu pejabat parti, hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Abdullah akan memegang jawatan itu apabila saya meletakkan jawatan pada pukul 3 petang esok. Jawatan pemangku adalah mengikut fasal 9.9 perlembagaan UMNO".

Abdullah juga akan memangku jawatan bendahari parti yang disandang oleh Dr Mahathir.

"Ini adalah mengikut tradisi dan perlembagaan parti," kata Dr Mahathir yang mempengerusikan mesyuarat MT buat kali terakhir sebagai presiden sejak memegang jawatan itu pada Jun 1981.

Fasal 9.9 perlembagaan parti menyatakan "Jika presiden berhenti maka timbalan presiden hendaklah memangku jawatan itu sehingga diadakan perhimpunan agung untuk memilih presiden baru mengikut fasal 9.3 dan ia berkuatkuasa mengikut fasal 9.8.1.

Turut hadir pada persidangan media itu ialah Abdullah, setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, ketiga-tiga naib presiden, iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Yang lain, termasuk Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussien, Ketua Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Puteri Datuk Azalina Othman.

Dr Mahathir berkata soal perlantikan Timbalan Presiden tidak berbangkit sekarang kerana perkara ini tidak ada peruntukan mengenainya dalam perlembagaan parti.

"Mengikut perlembagaan Majlis Tertinggi mempunyai hak untuk menentukan sesuatu jika tidak ada ketetapan dalam perkara ini".

Dalam pada itu, Abdullah yang akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia di Istana Negara petang esok berkata beliau telah mewakili semua anggota MT untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir pada mesyuarat berkenaan.

Beliau berkata kesimpulan yang dapat dibuat daripada nasihat dan pandangan Dr Mahathir mengenai Umno ialah parti tonggak Barisan Nasional (BN) itu mesti terus berjuang untuk mencapai kejayaan lebih besar lagi.

Umno juga perlu berjuang supaya perpaduan dapat diteruskan dan menyumbang dalam usaha pembangunan bukan sahaja untuk orang Melayu tetapi juga bangsa Malaysia, katanya.

"Saya telahpun menyatakan kepada semua yang hadir bahawa pendekatan politik yang kita gunakan selama ini, yang telah menunjukkan keberkesanannya, akan terus menjadi pendekatan kita," katanya.

"Saya kata kepada Datuk Seri, walaupun Datuk Seri sudah bersara, kita akan teruskan perjuangan kita. InsyaAllah dengan cara ini kita akan dapat kejayaan," kata Abdullah lagi.

Beliau berkata anggota MT juga mengucapkan selamat bersara kepada Dr Mahathir dengan harapan beliau akan melalui persaraan dalam keadaan sejahtera dan dikurnia kesihatan yang baik.

Sementara itu Dr Mahathir berkata beliau mahu Umno memberi sokongan kepada Abdullah dan memastikan urusan parti berjalan dengan baik.

Sebagai membalas budi Umno yang melantiknya sebagai Presiden dan dengan itu memegang jawatan Perdana Menteri sebelum ini, Dr Mahathir melahirkan

kesediaan untuk terus bekerja bagi menjayakan parti itu.

"Dengan itu, saya akan menolong dalam kempen-kempen pilihan raya. Bahkan kalau tak ada pilihan raya pun, saya akan berjumpa juga dengan anggota Umno untuk menguatkan sokongan kepada Umno terutamanya di kalangan orang Melayu," kata Dr Mahathir.

Menyentuh perjuangan Umno, beliau berkata ia merupakan sebuah parti yang sederhana perjuangannya dan hanya Umno sahajalah yang berjuang untuk orang Melayu dan agama Islam di negara ini.

"Kitalah yang memberi tempat kepada orang Melayu sehingga mereka sekarang ini dapat menebus balik maruah mereka. Dan kita dapat mengembalikan penghormatan kepada agama Islam dengan menunjukkan betapa Islam adalah satu agama yang begitu baik," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno akan meneruskan segala dasar yang diasaskan oleh para pemimpinnya yang terdahulu dari Datuk Onn Jaafar hinggalah kepada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Razak Hussein dan Tun Hussein Onn.

Katanya dasar yang ditentukan Tunku Abdul Rahman banyak mempengaruhi perjuangan Umno.

"Prinsip yang ditentukan oleh Tunku Abdul Rahman ialah supaya Umno bersama dengan kaum, parti lain dan tak ambil semua untuk Umno. Ia perlu sanggup berkongsi, bekerja dengan kaum-kaum lain dan mengadakan pentadbiran yang adil kepada semua kaum," katanya.

Dr Mahathir berkata namun demikian, kepentingan orang Melayu dan kaum Bumiputera lain mesti dipertahankan oleh Umno dan parti itu akan berusaha memberi tempat kepada mereka dalam ekonomi negara.

-- BERNAMA
MAM AHH ROS